



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

11 DISEMBER 2024 (RABU)

Ratusan Ternakan Mati, Penternak Rugi Lebih RM100,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	26	11 Dis

Ratusan ternakan mati, penternak rugi lebih RM100,000

PASIR MAS - Sebanyak 300 ekor lembu dan ratusan kambing, itik serta ayam mati akibat bencana banjir gelombang pertama di tiga kampung di sini selepas gagal diselamatkan ekor-an paras air yang naik terlalu cepat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Serogga, Norhisyam Mustafa berkata, pada 29 November lalu air dari Sungai Lubok Jong telah melimpah ke dalam kampung sehingga menenggelamkan semua rumah penduduk.

"Tiada kawasan tinggi di sini yang selamat untuk didiami oleh haiwan ternakan terutama lembu dan kambing.

"Ia menyebabkan haiwan tersebut gagal diselamatkan. Ada yang dihanyutkan banjir dan lemas," katanya kepada pemberita pada Selasa.

Norhisyam berkata, anggaran kerugian dialami lebih RM100,000 dan sehingga kini jumlah sebenar masih belum dimuktamadkan.

Menurutnya, ia baru gelombang pertama dan kini penduduk berdebar menanti gelombang kedua serta ketiga.

Tambahnya lagi, banjir kali ini adalah yang terburuk selepas hampir empat tahun kampung tersebut dinaiki air ekor-an projek pembinaan tebatan banjir yang sedang dijalankan.



NORHISYAM

Petani, Penternak Dan Nelayan Terjejas Banjir Akan Dibantu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Negeri Kita	Menarik	Online	11 Dis



SEREMBAN: EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Jalaluddin Alias telah meminta Jabatan Pertanian Negeri Sembilan untuk menubuhkan satu Pasukan Bantuan Banjir Pertanian di negeri ini sebagai satu langkah drastik daripada jawatankuasa bertindak ini untuk membantu petani, penternak dan nelayan yang terjejas banjir di negeri ini.

“Pasukan ini akan diselaraskan oleh Pengarah Pertanian Negeri Sembilan.

“Saya juga telah mohon pegawai-pegawai Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan yang ada di lapangan untuk buat semakan segera jumlah pengusaha yang terkesan dengan banjir, jumlah kerugian yang ditanggung, dan apa bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mereka.

“Pihak Jabatan perlu memanfaatkan segala bentuk bantuan yang ada untuk membantu mangsa-mangsa yang terkesan ini.

“Kurangkan karenah

birokrasi, dan permudahkan segala urusan mereka.

“Saya mahu jabatan di bawah portfolio saya mesra dengan rakyat dan dikenali dengan sebab servis dan perkhidmatan yang baik,” kata beliau.

Jalaluddin berkata demikian semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup yang terakhir bagi tahun 2024 di Majlis Bandaraya Seremban.-

NEGERIKITA

Pps Ternakan Pertama Untuk Haiwan Ternakan Dibina Di Pekan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Online	10 Dis



Pengarah Veterinar Pahang, Datuk Dr. Kamaliah Ghazali

KUANTAN – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang telah membangunkan Pusat Pemindahan Sementara Ternakan (PPST) bagi menempatkan haiwan ternakan seperti lembu ketika musim banjir.

Pengarah Veterinar Pahang, Datuk Dr. Kamaliah Ghazali berkata, PPST pertama dibina di Pahang itu terletak di kawasan berkeluasan 4 hektar di Kampung Padang Rumbia, Pekan dengan kos pembinaan sebanyak RM559,731.

“Alhamdulillah, tahun ini kita dapat siapkan PPST di Rumbia untuk ternakan. Kita harap kita boleh pindahkan (haiwan ternakan) yang di tepi-tepi jalan tu ke tempat ini,” katanya.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai kumpulan haiwan ternakan yang terpaksa ditempatkan di kawasan lebih tinggi iaitu di bahu jalan di sekitar daerah Pekan berikutan kandang yang terjejas banjir sebelum ini.

Menurut Kamaliah,

penternak yang sudah berdaftar dengan jabatan itu boleh menempatkan sementara haiwan ternakan mereka di PPST tersebut bagi tempoh antara dua minggu hingga sebulan, bergantung kepada situasi banjir semasa.

“Setakat ini belum ada haiwan ternakan ditempatkan di situ kerana air belum naik.

“Sebelum ini, haiwan ternakan di kawasan yang terjejas banjir juga ditempatkan sementara di ladang-ladang milik kerajaan,” tambahnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, Veterinar Pahang akan mengkaji keperluan dan mencari kawasan bersesuaian untuk membangunkan PPST di daerah lain.

Beliau turut menasihati para penternak agar sentiasa peka dan tidak menunggu paras air meningkat bagi memindahkan haiwan ternakan mereka.

“Sekarang bulan Disember memang kita tahu musim hujan, jadi tak perlu nak tunggu sampai laluan dah terkepung dinaiki air, baru nak pindahkan haiwan ternakan.

“Kita sedia maklum kebanyakan penternak ada

kawasan sendiri untuk letakkan haiwan masing-masing apabila berlaku banjir, namun ada ketikanya mereka tak sempat nak pindahkan kerana air melimpah dan laluan terputus,” jelasnya.

Beliau berkata, sehingga hari ini, terdapat empat orang penternak di Raub dan seorang di Bera menghadapi kerugian kerana kawasan dan haiwan ternakan mereka terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Berdasarkan data Veterinar Pahang, terdapat seramai 7,348 individu berdaftar sebagai penternak haiwan ternakan seperti lembu pedaging (4,435), lembu tenusu (29), kerbau (776), kambing (1,604), kambing tenusu (6) dan bebiri (1,324) – [MALAYSIAGAZETTE](#)

Jabatan Veterinar Pahang Bina Pusat Pemindahan Sementara Ternakan Bagi Hadapi Banjir

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Pahang Media	Setempat	Online	10 Dis



Pengarah Veterinar Negeri Pahang, YH. Dato' Dr. Kamaliah Ghazali ketika Majlis Penutup Kajian Penghasilan Makanan Ternakan Daripada Sisa Nanas di Pusat Kemahiran Veterinar, Kampung Mahkota.

KUANTAN, 10 DISEMBER 2024 : Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang telah membina sebuah Pusat Pemindahan Sementara Ternakan (PPST) di Pekan bagi menempatkan haiwan ternakan ketika menghadapi musim banjir.

Menurut Pengarah Veterinar Negeri Pahang, YH. Dato' Dr. Kamaliah Ghazali, pembinaan PPST dengan nilai sebanyak RM559,731.73 ini bagi memastikan haiwan ternakan di kawasan terjejas banjir dalam keadaan selamat.

“Alhamdulillah tahun ini kita telah dapat siapkan Pusat Pemindahan Sementara Ternakan (PPST) di Kampung Pulau Rumbia. PPST ini kita harap kita boleh pindahkan (ternakan yang dialihkan ke tepi jalan ketika banjir) dari tepi-tepi jalan tu ke tempat ini (PPST).

“Sebelum ini kita benarkan secara ihsan untuk ternakan diletakkan di kawasan hadapan memandangkan tiada kawasan tinggi dan berdekatan.

“Dan tahun ini selepas



Pengarah Veterinar Negeri Pahang, YH. Dato' Dr. Kamaliah Ghazali

mendapat titah daripada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, kita dapat satu kawasan daripada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) kita dah bangunkan PPST ini," katanya.

Beliau berkata PPST yang di bina di atas tanah seluas 4 hektar ini menjadi model pertama bagi ternakan dengan turut menempatkan kandang, dan tempat penyimpanan makanan.

"Kawasan ini kita dah bangunkan dengan tempat untuk makanan, ada kandang juga kita sediakan. Dalam 50 ekor kita boleh simpan dekat PPST ini dalam tempoh dua minggu hingga sebulan.

"Ini pertama di Pahang. Sebelum ini di negara kita, kita menempatkan ternakan

ini di kawasan ladang milik jabatan Kerajaan sebagai tempat sementara. Kita tak designated sebagai PPST. Cuma yang ini kita designated.

"Dan kita bina di Pekan, kerana bila air naik, di Pekan akan jadi fenomena air termenung, lambat turun," katanya.

Beliau tidak menolak cadangan untuk memperluaskan pembinaan PPST ini ke seluruh daerah di negeri ini terutamanya di kawasan sering terjejas banjir namun beliau berkata pihaknya perlu mengenalpasti kawasan tinggi yang selamat bagi memindahkan ternakan ini terlebih dahulu.

Beliau berkata demikian

ketika ditemui media selepas
Majlis Penutup Kajian
Penghasilan Makanan
Ternakan Daripada Sisa
Nanas di Pusat Kemahiran
Veterinar, Kampung
Mahkota.

Beliau turut menasihatkan
para penternak supaya
bersiap sedia untuk
memindahkan ternakan ke
kawasan tinggi terutama
apabila Monsun Timur Laut
(MTL) bermula. -

[PAHANGMEDIA](#)

PPST Pertama Di Malaysia Dibangunkan Di Kampung Padang Rumbia

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Edisi	Online	10 Dis



Dr Kamaliah melihat penghasilan makanan ternakan daripada sisa nanas di Pusat Kemahiran Veterinar, Kampung Mahkota, di sini pada Selasa.

KUANTAN - [DIKEMAS KINI] Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang telah menubuhkan Pusat Pemindahan Sementara Ternakan (PPST) pertama di Malaysia di Kampung Padang Rumbia, Pekan, bagi melindungi haiwan ternakan penternak semasa musim banjir.

Pengarahnya, Datuk Dr. Kamaliah Ghazali berkata, pembinaan PPST yang seluas 4.047 hektar ini adalah hasil aduan penternak yang sering kehilangan ternakan akibat dicuri ketika banjir melanda.

Menurutnya, PPST ini mampu menampung sehingga 50 ekor ternakan untuk tempoh dua minggu hingga sebulan, selain dilengkapi kandang, kawasan makanan, dan fasiliti lain, dengan kos pembinaan berjumlah RM559,731.73.

"Tahun ini, PPST sudah siap dan kita adalah negeri pertama memperkenalkan konsep pusat pemindahan khusus untuk haiwan ternakan.

"Sebelum ini, penternak terpaksa menempatkan



Dr Kamaliah

ternakan mereka di tepi jalan kerana tiada fasiliti seperti ini. Walaupun ia tidak mematuhi prosedur, kami benarkan atas dasar ihsan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penutup kajian penghasilan makanan ternakan daripada sisa nanas di Pusat Kemahiran Veterinar, Kampung Mahkota, di sini pada Selasa.

Dr Kamaliah memberitahu, ternakan yang dipindahkan ke PPST adalah yang telah berdaftar dengan jabatan.

Jelasnya, langkah ini penting kerana nilai ternakan seperti lembu yang boleh mencecah RM4,000 hingga RM5,000 seekor dan ia, menjadi risiko tinggi jika dibiarkan jauh dari pemiliknya.

"Jadi, Pekan dipilih sebagai lokasi pertama kerana kawasan ini sering dilanda banjir yang mengambil masa sehingga sebulan untuk surut, berbanding daerah lain yang biasanya pulih dalam tempoh tiga hari.

"Tapi, PPST ini akan dikembangkan ke daerah-daerah lain yang berisiko banjir pada masa hadapan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Kamaliah turut menasihatkan penternak lebih peka dengan perubahan cuaca semasa dan tidak menunggu paras air meningkat untuk memindahkan haiwan ternakan mereka.

Katanya, terdapat kes tertentu yang dilaporkan berpunca daripada sikap

penternak menunggu hingga saat akhir sebelum membawa haiwan ternakan ke lokasi lebih selamat.

"Kita tahu bila masuk (bulan) Disember, musim hujan, jadi tak perlu nak tunggu sampai laluan dah terkepung dinaiki air, baru nak pindahkan haiwan ternakan mereka.

"Malah, kita juga sedia maklum kebanyakan penternak ada kawasan sendiri untuk letakkan haiwan masing-masing apabila berlaku banjir, namun ada ketikanya mereka tak sempat nak pindahkan kerana air melimpah dan laluan terputus," ujarnya.-

[SINARHARIAN](#)

Pahang Wujud Pusat Pemindahan Sementara Ternakan Musim Banjir

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Video Terkini	Online	10 Dis



Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang memperkenalkan pusat pemindahan sementara ternakan (PPST) untuk menempatkan haiwan ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing, ketika musim tengkujuh.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR